

ASPIRATION OF YOUTH LEADERSHIP IN NATIONAL TRANSFORMATION 2050

SUARA KEPIMPINAN GENERASI MUDA DALAM TRANSFORMASI NASIONAL 2050

Mohd Nizar Sudin¹
Junaidi Awang Besar¹
Mohd Fuad Mat Jali¹
Marlisa Abdul Rahim²

¹Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

²Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan, Kampus Kota, 16100 Kota Bharu, Kelantan.

Accepted date: 30 October 2017

Published date: 31 March 2018

To cite this document:

Sudin, M., Besar, J.A., Jali, M.F.M., & Rahim, M.A. (2018). Suara Kepimpinan Generasi Muda dalam Transformasi Nasional 2050. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3(7), 1-8.

Abstrak: *Fokus kajian tentang generasi muda telah menarik minat ramai penyelidik dalam berbagai disiplin sejak sedekad yang lalu. Walau bagaimanapun, kajian ini mengambil pendekatan dari program Transformasi Nasional 2050 (TN50) dalam memahami isu-isu generasi muda. Dalam meneroka isu-isu yang dapat diguna pakai, pengumpulan data secara terus dari TN50 adalah amat berguna bagi tujuan kajian. Justeru adalah menjadi objektif artikel ini untuk meneroka isu-isu tersebut dalam membuat kesimpulan yang akhirnya akan membawa kepada keberkesanan peranan generasi muda dalam mencapai serta menyokong tenaga kerja berprestasi tinggi yang akan melebihi jangkaan negara. Kajian ini mendapati terdapat keperluan inklusif untuk golongan generasi muda di dalam agenda pembangunan negara. Mereka memiliki kemahiran serta kepakaran yang berguna untuk negara selain bercita cita menjadi pemimpin pada masa hadapan. Mereka memiliki visi, karisma, keyakinan, keberanian, keberadaban, kefahaman tentang keadilan, kreatif, mengambil berat hal orang lain serta sanggup berkorban demi negara.*

Kata Kunci: TN50, Generasi Muda, Tenaga Kerja Berprestasi Tinggi, Pembangunan Negara, Jangkaan Negara.

Abstract: *Over the last decade, the focal point of the study on issues concerning young generation in many settings has gone through significant development empirically. However this study will take a different approach in understanding the issues surrounding the young generation from the TN50 initiatives. The TN50 initiatives were taken mainly because in light*

of literature on young generation, it was found that in order to fully understand the issues, TN50 was the immediate source to gather data about their grievances. Hence, this article objective is to explore issues and the extent among young generation participation in Malaysia's nation building which will eventually lead to the effectiveness of young generation participation in accomplishing to support a high-performance workforce that will exceed Nation's expectations. This study found that the young generations want inclusiveness in the country's development agenda. They possessed, traits useful to the country while some desiring to become leaders in the future. They had vision, charisma, confidence, courage, humility, a strong sense of justice, creativity to be different, concern for others, and a willingness to make great sacrifices for the country.

Keywords: TN50, Young Generation, High Performance Work Force, Nation Building, Nation's Expectation

Pendahuluan

Generasi muda pada masa kini adalah merupakan golongan yang bakal melalui zaman 2050 dan dianggap sebagai orang berkepentingan dalam merealisasikan Transformasi Nasional 2050 (TN50). Mereka mempunyai potensi yang tinggi dalam memperoleh kemahiran serta pengetahuan untuk memimpin (Syaidatul, Razli & Derweanna, 2016). TN50 adalah satu inisiatif pembangunan negara yang merangkumi tahun 2020 hingga 2050. TN50 ini bakal menggarap visi anak muda Malaysia untuk tiga dekad. Inisiatif ini dipacu oleh matlamat dan sasaran yang jelas selama 30 tahun yang akan dibangunkan melalui proses perundingan dalam fasa persediaan dari tahun 2017 hingga 2019 (Sapora, 2017). Dilancarkan pada 19 Januari 2017 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, kerajaan berharap dengan memberi tumpuan dan mendengar luahan dari kelompok generasi muda melalui TN50. Antara komponen utama untuk generasi muda ialah pembangunan, kompetensi kepimpinan, gaya kepimpinan dan tingkah laku. Mengilhamkan harapan dan mencipta masa depan adalah selaras dalam merealisasikan TN50, di mana setiap individu harus bersama-sama bangun dan bekerjasama kerana transformasi ini melibatkan proses dan gerak kerja jangka panjang bagi membentuk satu negara bangsa yang benar-benar berwibawa serta berminda *par excellence*.

Aspirasi golongan belia yang mahukan negara pada masa depan berada dalam rangka acuan pemikiran mereka bukan lagi angan-angan tetapi boleh direalisasikan menerusi program TN50. Ramai anak muda tidak arif tentang kejayaan Malaysia sejak merdeka (Mohd Fuad et al., 2012). Sebagai generasi yang tidak sentimental, mereka melihat kepada perancangan dan pelan masa depan. Terlalu banyak masa dan tenaga diberikan kepada isu dan permasalahan serta dasar dan peraturan. Namun tidak banyak kepada pendekatan berdiskusi dan kaedah berdialog. Oleh itu, Transformasi Nasional 2050 atau TN50 adalah suatu usaha dialog bersama generasi muda untuk membentuk masa depan negara. Salah satu faktor yang mendasari penetapan had umur belia ini adalah belia sebagai kesinambungan kepimpinan masa hadapan negara. Kemunculan kumpulan generasi muda yang berdiri bebas (*independent*) tanpa hirarki dan tanpa ketua menunjukkan betapa perlunya kepimpinan berlandaskan *role model*. Justeru itu artikel ini membincangkan tentang isu-isu kepimpinan generasi muda, Teori Pilihan Rasional yang mempunyai kaitan dengan pemilihan pemimpin dan hasil perbincangan yang dapat membantu negara dalam merencanakan TN50 dengan lebih berkesan.

Transformasi Nasional 2050

Transformasi Nasional 2050 atau lebih dikenali dengan TN50 merupakan satu agenda baru kerajaan dalam membentuk masa depan Malaysia bagi tempoh 2020 hingga 2050. Visi TN50 pertama kalinya digagaskan sewaktu pembentangan Bajet 2017 oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Najib Bin Abdul Razak. Transformasi Negara 2050 ini dibentuk dengan menggunakan pendekatan baharu yang pertama kalinya digunakan di Malaysia iaitu pendekatan '*bottom up*'. Pendekatan ini merupakan satu modus terbaru yang digunakan dalam melaksanakan sesuatu agenda pembangunan di Malaysia yang melibatkan rakyat.

Pendekatan *bottom-up* ini bermula dengan mendengar aspirasi atau cadangan yang dikemukakan oleh rakyat menerusi pelbagai medium yang disediakan kerajaan seperti laman web, dialog, wawancara, temu bual dan juga persidangan bersama pelbagai golongan masyarakat termasuk NGO, mahasiswa, pendidik dan seniman. Pendekatan ini dilaksanakan bagi mengkaji kemahuan dan cita-cita rakyat Malaysia tentang negara yang diidamkan agar rakyat dapat hidup dengan maju serta mampu bersaing pada peringkat yang lebih tinggi setanding dengan negara-negara bertaraf maju.

Dalam dialog perdana TN50, kerajaan telah memperuntukkan masa dari Januari 2017 sehingga September 2018 sebagai langkah utama dalam pembentukan TN50 dengan mendengar input atau aspirasi yang disuarakan oleh rakyat dalam pelbagai dialog, forum, debat, bengkel dan kursus yang telah diadakan berkaitan dengan TN50. Pelbagai platform telah disediakan untuk rakyat memberikan input sama ada secara langsung dan juga melalui saluran *online* yang disediakan khas bagi menjalankan pembentukan TN50 ini. Pendekatan yang digunakan oleh pemimpin dalam membentuk dasar baharu ini seperti mesra rakyat dan mampu memberikan pandangan dari perspektif yang berbeza-beza. Pelbagai isu tertentu juga dititik beratkan dalam pembentukan TN50. Antara perkara yang dibincangkan dalam TN50 meliputi urustadbir, masyarakat, alam sekitar, ekonomi dan teknologi.

Bermula pada 19 Januari 2017 yang lalu, bertempat di Dewan Tunku Cancelor, Universiti Malaya satu Dialog Perdana TN50 telah diperkenalkan kepada rakyat secara rasminya. Dialog perdana ini memberi peluang kepada rakyat untuk mendekati para pemimpin dengan menyuarakan kemahuan tentang Malaysia yang diidamkan. Selepas Dialog Perdana TN50 ini maka menyusul lebih banyak lagi program seumpamanya yang akan dilaksanakan di seluruh negara agar setiap aspirasi masyarakat terus didengari. Tidak hanya mendengar aspirasi rakyat semata-mata, Kerajaan akan mencuba menilai dan memperbaiki segala cadangan yang diberikan agar dapat membentuk negara Malaysia yang mencapai standard keinginan rakyatnya.

Pelbagai perancangan telah dilaksanakan dalam mencuba mendengar aspirasi-aspirasi rakyat khususnya golongan belia yang merupakan aset terpenting dalam memajukan Malaysia menjelang tahun 2050. Golongan belia ditekankan secara khusus dalam pelaksanaan TN50 ini kerana golongan ini merupakan golongan yang akan menjalani kehidupan di Malaysia. Oleh yang demikian, setiap belia dialu-alukan dalam menyuarakan keinginan mereka untuk mencapai negara Malaysia yang diidamkan. Pendekatan yang mudah seperti laman web rasmi TN50 juga turut dilancarkan sebagai platform untuk golongan muda menceritakan aspirasi mereka.

Sehubungan dengan pembentukan Transformasi Negara 2050 yang membawa konsep baru dan segar dalam kalangan masyarakat, pandangan umum perlu dititikberatkan. Hal ini juga selaras dengan konsep pembentukan TN50 yang mendengar aspirasi atau idea daripada masyarakat untuk membentuk negara Malaysia yang lebih maju kehadapan menjelang 2050.

Metod

Rujukan sumber sekunder merupakan metod yang diguna pakai dalam perbincangan artikel ini. Sumber sekunder terdiri daripada kajian-kajian lepas yang telah dijalankan dalam bidang yang sama. Selain itu, sumber seperti artikel-artikel berkaitan dengan TN50 daripada kementerian berkaitan juga adalah dirujuk.

Sorotan Karya

Generasi muda berdepan dengan istilah “pentingkan diri sendiri” dan “tidak kisah” tentang isu-isu semasa, hakikatnya, golongan muda yang berusia antara 18 ke 35 tahun di seluruh dunia sebenarnya amat prihatin dengan isu global dan berhasrat untuk mencari penyelesaian terhadap isu berkenaan (Ahmad Khairol, 2017). Terdapat 70 peratus daripada generasi muda sedar wujud pelbagai peluang buat mereka dan separuh daripada mereka percaya mereka mampu menyumbang kepada usaha penggubalan dasar di negara masing-masing. Dapatkan berkenaan merupakan kajian daripada Global Shapers Survey, sebuah inisiatif *World Economic Forum* (WEF). Kajian pada 2016 ini melibatkan 26,000 generasi muda dari 181 negara di seluruh dunia. Ia menunjukkan isu perubahan iklim, peperangan dan konflik agama menjadi kebimbangan utama golongan muda. Generasi muda turut ingin terlibat dalam usaha penyelesaian isu-isu antarabangsa. Justeru itu, suara mereka juga perlu didengari pada peringkat antarabangsa mahupun pada peringkat nasional.

Pada peringkat nasional, walaupun TN50 adalah platform daripada kerajaan untuk membantu generasi muda, tetapi perlu diingat bahawa kepimpinan generasi muda adalah unik dan memerlukan pengetahuan yang luas kerana melibatkan pengurusan insan dari pelbagai umur yang berlainan pada satu masa (Singh & Ahmad, 2008). Menurut Lintong (2013), persepsi bahawa “yang muda tidak bijak”, akan mengakibatkan institusi dan komuniti menghasilkan orang biasa dengan cara lama. Generasi muda akan hilang semangat untuk memimpin. Walhal, semangat orang muda yang membuka-bukaan diperlukan untuk terus memimpin.

Selain itu, terdapat ahli keluarga dan rakan-rakan menghalang generasi muda daripada menyertai program kepimpinan dan memimpin kerana merasakan bahawa situasi masa kini tidak akan mengubah apa-apa yang dipimpin (Isidore et al., 2016). Kadar pengangguran yang semakin meningkat juga mampu menjelaskan semangat generasi muda untuk memimpin. Laporan Pengangguran Belia di Malaysia (2016) menunjukkan pada tahun 2015, kadar pengangguran belia meningkat 1.2 mata peratusan daripada 9.5 peratus kepada 10.7 peratus (Dian & Mohd Zaidi, 2016). Faktor pengangguran turut memainkan peranan penting kepada generasi muda untuk terus berkembang.

Oleh itu, generasi muda dinasihatkan untuk memanfaatkan pentas penerangan aspirasi Transformasi Nasional 2050 (TN50) sebagai medium melahirkan pandangan dan mencetuskan idea yang boleh membantu mencorak hala tuju negara. Ini adalah platform yang

sebetulnya, bukan hanya bercakap di belakang atau meluahkan di media sosial dengan harapan ia didengar.

Pemimpin Generasi Muda

Pemimpin adalah individu menguruskan dan mempengaruhi sebuah kumpulan untuk mencapai matlamat organisasi (Roach & Behling, 1984). Takrifan utama kepimpinan merangkumi perkara berikut: i) memudahkan proses dalam kumpulan; ii) memiliki sifat personaliti yang unik; iii) memberi motivasi kepada pengikut; iv) mempengaruhi individu lain secara positif, v) membentuk tingkah laku tertentu; vi) mempengaruhi orang lain; vii) memantapkan hubungan antara pemimpin dan pengikut, viii) menetapkan matlamat yang boleh dicapai dan ix) membangunkan struktur organisasi (Bass, 1990).

Generasi muda perlu dilatih untuk menjadi pemimpin yang mampu memimpin komuniti, institusi atau organisasi serta dapat mempengaruhi pengikut secara positif dalam membuat keputusan. Elemen utama yang dilihat pada pemimpin generasi muda adalah kredibiliti pemimpin, mesra pengikut, diikuti personaliti kepimpinan yang baik, jujur dan amanah serta tidak mengamalkan rasuah (Noor Hidayah, 2014).

Berdasarkan kajian yang dijalankan tentang komunikasi kepimpinan dan komitmen pengikut di organisasi kerajaan oleh Syed Abdul Rahman dan Mohamed Zin (2004) menunjukkan bahawa wujud hubungan yang positif di antara kepimpinan dan komitmen. Kajian persepsi belia terhadap isu politik dan dasar kerajaan Malaysia yang dijalankan oleh Junaidi et al. (2012) mendapat terdapat kriteria penting pemimpin yang disokong belia. Kriteria tersebut adalah jujur dan amanah, mempunyai karisma dan ketokohan, mementingkan perpaduan kaum dan agama, mempunyai pendidikan yang tinggi dan pemimpin tersebut adalah daripada golongan orang muda. Ciri-ciri tersebut dilihat oleh pengundi dapat menyerlahkan tokoh kepemimpinan seseorang pemimpin yang mereka pilih di samping mempunyai personaliti yang baik. Personaliti yang baik bermaksud pemimpin tersebut mestilah bersikap terbuka, mudah ditemui, mesra rakyat dengan mengadakan lawatan atau ‘turun padang’ ke kawasan mereka. Mereka juga inginkan pemimpin yang senang mendampingi rakyat tanpa sebarang protokol yang menyukarkan rakyat untuk bertemu dan mengadu masalah yang dihadapi oleh mereka. Responden juga mementingkan pemilihan pemimpin yang mempunyai kaliber dan berkarisma dengan kepetahan berucap serta berpengalaman dalam aktiviti kemasyarakatan

Teori Pilihan Rasional

Teori Pilihan Rasional merupakan pilihan individu yang cenderung memaksimumkan utiliti keseluruhan dengan mendapat faedah daripada sesuatu perkara berdasarkan konsep pengukuhan dalam tingkah laku (Sato, 2013). Untuk mencapai hal tersebut, individu yang rasional berusaha untuk memilih setiap pilihan yang ada untuk memaksimumkan kebaikan (*benefit*) yang diterima dan meminimumkan kos yang di belanja. Terdapat dua andaian oleh Buchanan dan Tullock (1962) dalam teori ini. Pertama, kebiasaannya individu memaksimumkan kepentingan untuk dirinya sendiri dan kedua hanya individu yang membuat keputusan dan menganggap keputusan yang kolektif adalah jumlah daripada pilihan individu.

Dalam artikel ini, Teori Pilihan Rasional dipilih berdasarkan kebaikan yang dapat disumbangkan oleh pemimpin khasnya pemimpin muda kepada masyarakat yang akan membawa perubahan dari segi sosial dan ekonomi. Masyarakat memilih berdasarkan

pemimpin yang dipercayai dapat menunaikan janji. Andaian ini menjelaskan bahawa individu dalam masyarakat adalah bersikap rasional kerana mereka menilai pelbagai alternatif yang diperoleh kepada mereka dari segi kos dan faedah sebelum memilih pemimpin. Dalam isu TN50, pertimbangan rasional untuk menuju ke arah negara yang lebih cemerlang akan dilihat melalui kaca mata belia yang dianggap membuat keputusan untuk setiap isu atau pilihan.

Kajian yang telah dijalankan oleh Junaidi et al. (2016) tentang pendekatan Teori Kelakuan Pengundi dan pilihan politik di kawasan Dewan Undangan Negeri di Bachok, Kelantan mendapati bahawa parameter Teori Pilihan Rasional dapat dilihat apabila pengundi akan memberikan undi yang berterusan kepada parti yang memenuhi janji dan golongan belia yang berumur 31-40 tahun lebih menonjol iaitu 88.7 peratus. Hal ini kerana golongan ini telah mampu untuk berfikir bagi kepentingan diri dan masyarakat selain membuktikan bahawa parti yang dipilih adalah parti yang memberikan khidmat yang sewajarnya.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Fokus dan objektif TN50 terarah kepada sasaran untuk menjadi antara negara teratas di tangga dunia dalam ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi. Asas utama kejayaan TN50 adalah sokongan padu dari generasi muda ke atas usaha kerajaan menggunakan pendekatan *bottom up* sebagai satu pendekatan inklusif. Dari aspek ekonomi, pemimpin muda mampu menambah baik keadaan ekonomi negara dengan memberi sokongan dan platform kepada golongan muda menjadi usahawan maya. Generasi muda dapat mengambil peluang dan kemudahan teknologi yang ada bagi menjana pendapatan digital melalui program-program yang disediakan oleh kerajaan seperti e-usahawan, e-rezeki dan lain-lain. Dapatkan ini disokong melalui ucapan YBhg. Dato' Jailani Johari, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia sempena Program Bual Bicara Isu-Isu Semasa Zon Tengah 2017, beliau menyatakan bahawa proaksi digital dapat diadaptasi dan digunakan oleh generasi muda bagi meraih pendapatan serta dapat disesuaikan dengan keadaan untuk berubah kerana pada 2015 sumbangan ekonomi digital ialah 17.8 peratus. Kerajaan yakin bahawa sasaran ini terus meningkat kepada 18.2 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2020.

Pendekatan secara *live* amat berguna bagi tujuan input dalam memahami isu-isu generasi muda dan diharap segala input akan membantu memahami isu tersebut dari pelbagai disiplin. Pemimpin muda juga digalakkan menghadiri persidangan-persidangan antarabangsa mahupun di dalam negara. Ia dilihat mampu mendorong pemimpin muda berinteraksi dengan individu lain yang lebih berpengalaman. Dengan adanya persidangan seperti ini akan membantu mewujudkan persefahaman dan toleransi dalam perbezaan sistem politik dan bagaimana sistem politik berperanan.

TN50 lebih bersifat inklusif iaitu kerajaan akan melihat keperluan serta mengenal pasti masalah dari akar umbi dan penyelesaian akan dilaksanakan melalui pembabitan belia. TN50 merupakan satu visi masa hadapan yang bakal memberi nilai signifikan penting bagi belia dalam menjadi golongan minda kelas pertama yang seimbang dan cemerlang dalam pelbagai aspek antaranya sahsiah dan kepimpinan. Inisiatif TN50 membuktikan kerajaan mempunyai visi jangka panjang dalam memastikan negara boleh bersaing pada zaman yang dijangka lebih mencabar dan kompetitif.

Kesimpulan

Generasi muda harus menunjukkan penyertaan yang komprehensif dalam rangka integrasi dimensi intelektual dan spiritual bagi mendefinisikan peranan kepimpinan generasi muda. Ini kerana mereka kini diberi pentas untuk bersuara dalam mencatur masa depan negara bersama kerajaan. Pandangan generasi muda penting kerana mereka mempunyai paradigma tersendiri dalam sesuatu perkara yang mana itu amat penting untuk kerajaan mengambil kira dalam menyediakan masa depan negara sekali gus menjadikan TN50 visi rakyat sendiri.

Rujukan

- Ahmad Khairol, S. J. (2017). Golongan muda amat prihatin isu global. Diambil pada 30 Julai, 2017, dari <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/golongan-muda-amat-prihatin-isu-global-142245>
- Bass, B. M. (1990). *Bass and Stogdill's handbook of leadership*. New York: Free Press.
- Buchanan, J. M., & Tullock, G. (1962). *The Calculus of Consent: Logical Foundations of Constitutional Democracy*. Ann Arbor: The University of Michigan Press.
- Dian, H. M. I., & Mohd Zaidi, M. (2016). Pengangguran belia di Malaysia: Perkembangan dan pertimbangan dasar. Diambil pada 29 Julai, 2017, dari http://www.bnm.gov.my/files/publication/ar/bm/2016/cp04_003_rencana.pdf
- Isidore, E., Mohd Rosli, M., Norsiah, M., & Derweanna, B. S. (2016). Socio-political influence and youth's leadership participation in Malaysia: A conceptual model extending TPB. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 7(3), 222-228.
- Junaidi, A. B. (2012). Persepsi politik dan trend pengundian di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Pasir, Pulau Pinang. *Jurnal E-Geografi*, 8(3), 61-70.
- Junaidi, A. B., Mazlan, A., Novel, L., & Ahmad, A. Z. (2016). Pendekatan Teori Kelakuan Pengundi dan pilihan politik di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Jelawat, Bachok, Kelantan. *Journal of Social Sciences and Humanities*(Special Issue 1), 60-77.
- Lintong, S. (2013). *Kunci pembahagia dalam pekerjaan*. Jakarta: Mata Pena Group.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaiid Awang Besar, Amriah Buang, Mohd Jalaluddin Hashim, Novel Lyndon, & Hamzah Jusoh, H. A., Sivapalan Selvadurai, Er Ah Choy & Mohd Yusof Hussain. (2012). Pengaruh politik alam sekitar terhadap persepsi pengundi: Kajian kes DUN Kedah. *Geografa Online: Malaysia Journal of Society and Space*, 8(6), 117-133.
- Noor Hidayah, Z. (2014). *Hubungan antara kepimpinan Islam dan komitmen kerja pensyarah: Kajian di Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah*. (Thesis Sarjana), Universiti Malaya.
- Program Bual Bicara Isu-Isu Semasa Zon Tengah (2017). *Teks Ucapan YB. Dato' Jailani Johari*. Bangi: UKM.
- Roach, C. F., & Behling, O. (1984). Functionalism: Basis for an alternate approach to the study of leadership. In J. G. Hunt, D. M. Hosking, C. A. Schriesheim, & R. Stewart (Eds.), *Leaders and managers: International perspectives on managerial behavior and leadership*. Elmsford, NY: Pergamon.
- Sapora, S. (2017). STEM penuhi impian jadi negara pencipta. Diambil pada 7 Julai, 2017, dari <http://www.bhplus.com.my/taxonomy/term/10/2017/07/304215/stem-penuhi-impian-jadi-negara-pencipta>
- Sato, Y. (2013). Rational Choice Theory. *Sociopedia.isa*, 1-10.
- Singh, S., & Ahmad, E. (2008). *Kepimpinan dalam menghadapi isu-isu semasa pendidikan*. Paper presented at the Seminar Kebangsaan Pengurusan Pendidikan PKPGB 2008, 16 Oktober 2008, UTHM.

- Syaidatull, A. R., Razli, C. R., & Derweanna, B. S. (2016). The influence of social media, social engagement and volunteerism towards university's youth leadership participation in East Coast, Malaysia: A conceptual paper. *Research Journal of Applied Science*, 11(11), 1344-1349.
- Syed Abdul Rahman, H. S. Z., & Mohamed Zin, H. N. (2004). *Persepsi stail komunikasi kepimpinan mempengaruhi komitmen pegawai sokongan dalam Jabatan Kerajaan*. Paper presented at the Seminar Sosio Ekonomi dan IT ke-2. Pusat Penyelidikan dan Perundingan, Universiti Utara Malaysia.